

MAHATHIR-PERLANTIKAN

1981
KUALA LUMPUR, 17 JULAI (BERNAMA)—KERAJAAN DAN RAKYAT INDONESIA BANGGA ATAS PERLANTIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI PERDANA MENTERI BARU, MENTERI HAL EHWAL AGAMA REPUBLIK ITU, ENCİK ALAM SHAH RATU PERWIRANEGARA BERKATA HARI INI.

KATANYA, PERLANTIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMIMPIN NEGARA ADALAH TEPAT SEKALI KERANA KEWIBAWAAN DAN KECEKAPANNYA.

SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN, KEBOLEHAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK PERLU DIPERSOALKAN LAGI, KATA ENCİK ALAM SHAH KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SINI UNTUK LAWATAN SELAMA TIGA HARI KE NEGARA INI.

LAWATAN TERSEBUT ADALAH ATAS JEMPUTAN KERAJAAN MALAYSIA UNTUK MENYAKSIKAN PERASMIAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA YANG AKAN DIRASMIKAN OLEH YANG DI PERTUAN AGONG ESOK.

ENCİK ALAM SHAH AKAN MENGUNJUNGI DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN TAHNIAH DAN SALAM DARI PRESIDEN SUNARTO.

BELIAU ADALAH MENTERI NEGARA ASING YANG PERTAMA MEMBUAT KUNJUNGAN HORMAT KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR SEJAK BELIAU DI LANTIK SEBAGAI PERDANA MENTERI. —BERSAMBUNG 1815/MD

B571

MAHATHIR-PERLANTIKAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BUKANLAH MUKA BARU DI RANTAU INI DAN BELIAU TELAH TERKENAL DENGAN KETEGAGASANNYA DAN JUGA PENDAPAT-PENDAPAT YANG MEMBINA DALAM BERBAGAI BIDANG BAGI KEMAJUAN NEGARA INI DAN NEGARA-NEGARA ASEAN, TAMBAHNYA.

BERKENAAN DENGAN PERSARAAN TUN HUSSEIN OMN, ENCİK ALAM SHAH BERKATA, INDONESIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN LAIN KEHILANGAN SEORANG TOKOH YANG BANYAK MENABUR JASA DEMI KEPENTINGAN PERTUBUHAN ITU.

BERKENAAN DENGAN KERJASAMA BIDANG AGAMA DIANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA BELIAU BERKATA NEGARNYA SENTIASA SEDIA MEMBERI APA JUA BANTUAN YANG DIPERLUKAN OLEH MALAYSIA.

MENTERI DIJABATAN PERDANA MENTERI, DATUK HAJI MOHAMED NASIR, SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI SYED NASIR ISMAIL, YANG JUGA PENGURUSI JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN DAN KUASAUSAHA KEDUTAAN INDONESIA DI SINI, HAJI IBRAHIM YASSIN ADALAH ANTARA YANG MENYAMBUUTNYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA ITU. —BERNAMA 1820/MD